

Pahang jangka kutipan hasil RM1.083 bilion tahun depan

[Asrol Awang](#)

am@hmetro.com.my



Kuantan: Empat kejayaan membantu kerajaan negeri Pahang mencapai sasaran RM1 bilion terutama dari segi kutipan hasil, sekali gus membantu rakyat Pahang sepanjang tempoh empat tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata pertama ialah peningkatan kutipan hasil pendapatan negeri yang konsisten setiap tahun.

Katanya, setakat hari ini, kerajaan negeri berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.037 bilion berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.036 bilion.

"Ini bermakna kita berjaya mencapai melebihi 100 peratus sasaran, lebih awal daripada yang ditetapkan.

"Pada masa sama, buat julung kalinya Pahang berjaya mencapai hasil mencecah RM1 bilion, sekali gus meletakkan kita 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' dengan negeri maju yang lain seperti Johor dan Selangor," katanya ketika membentangkan Belanjawan Pahang 2023 bertemakan 'Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera' pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Beliau berkata, kedua ialah keupayaan menarik pelaburan berjumlah RM20.56 bilion setakat 30 September lalu.

Katanya, jumlah itu membabitkan RM9.55 bilion pelaburan domestik dan RM11.01 bilion pelaburan asing melangkaui RM18 bilion yang disasarkan.

"Statistik ini adalah petunjuk jelas keyakinan pelabur terhadap potensi serta kestabilan yang ada di negeri ini.

"Ketiga, pengurangan hutang kerajaan negeri daripada RM3.31 bilion kepada RM952.21 juta. Sepanjang tempoh empat tahun ini, kita berjaya mengurangkan sebanyak 71.24 peratus hutang kerajaan negeri.

"Ini bermakna secara purata, kita berjaya mengurangkan kira-kira 17.80 peratus hutang negeri setiap tahun.

"Jika trend ini berjaya diteruskan, dengan momentum serta kesungguhan yang dipamerkan semua pihak tidak mustahil Pahang akan berjaya mengurangkan lagi hutang negeri," katanya.

WAN Rosdy menunjukkan buku Belanjawan 2023 Negeri Pahang pada sesi pembentangan belanjawan 2023 Negeri Pahang, di Wisma Sri Pahang. FOTO Farizul Hafiz Awang

Beliau berkata, ia termasuk penyaluran bantuan dan program kebajikan kepada rakyat berjumlah RM77.95 juta menerusi Bantuan Prihatin Pahang (BPP), Program Kebanggaan Pahang, Program Pemerkasaaan Wanita dan warga emas.

"Menariknya, bantuan ini disalurkan terus kepada rakyat, merentasi segenap generasi, daripada bayi yang baru lahir, pelajar, anak muda, pengantin baru sehinggalah kepada warga emas, tanpa mengira batas bangsa, agama mahupun ideologi politik," katanya.

Bagi belanjawan tahun depan, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri menyasarkan kutipan hasil mencecah RM1.083 bilion.

Katanya, unjuran hasil itu adalah yang paling tinggi dalam sejarah dengan peningkatan sebanyak 4.52 peratus berbanding Belanjawan 2022.

"Daripada jumlah ini, RM1.071 bilion akan diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain dan aset dengan peningkatan sebanyak RM40 juta atau 3.73 peratus berbanding tahun 2022.

"Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan yang akan disediakan adalah sebanyak RM318.83 juta.

"Jumlah ini merangkumi projek infrastruktur sebanyak RM143.53 juta dengan pembiayaan secara langsung manakala RM175.30 juta atau bersamaan 54.98 peratus adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bekalan Air," katanya.

Bagi Belanjawan Pahang 2023, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri akan menggariskan lima strategi belanjawan utama iaitu merangsang kemajuan ekonomi, memperkukuh tadbir urus, membangun infrastruktur yang mampan, menjamin kesejahteraan rakyat dan membina generasi masa depan yang gemilang.

Disiarkan pada: Oktober 7, 2022 @ 3:35pm